

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCE

PUBLICATION: HARIANNEWS.COM **SECTION:** SEMASA

DATE: WEDNESDAY, 22 MARCH 2017 **PAGE NO.:** 1 OF 1

CIRCULATION: ONLINE **FREQUENCY:** ONLINE

HEADLINE: SEGMENT PERTAHANAN ASIA TARIKAN BAHARU DSA 2018

Harian News

[Home](#) [Site Map](#)

[Argo](#) [Bisnes](#) [Cinta](#) [Dunia](#) [Fesyen](#) [Hiburan](#) [Kecantikan](#) [Kolumnis](#) [Makan](#) [Motor](#) [Resepi](#) [Santai](#) [Semasa](#) [Sihat](#) [Sukan](#) [Teknologi](#)

Segmen pertahanan Asia tarikan baharu DSA 2018

March 22, 2017 | By bharian | Reply

LANGKAWI: Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2018 bakal menyaksikan kelainan dengan pengenalan segmen baharu iaitu Pameran Antarabangsa Pertahanan Nasional Asia yang memberi tumpuan khusus kepada soal keselamatan Asia.

Justeru, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, percaya penganjuran DSA berikutnya yang dijadual berlangsung 16 hingga 16 April tahun depan, bakal menarik lebih banyak penyertaan khususnya daripada syarikat antarabangsa.

"DSA memang sudah dikenali seluruh dunia, namun saya cukup gembira apabila edisi tahun depan akan memberikan perhatian yang serius kepada soal keselamatan Asia.

"Ia tepat pada masanya ketika kita sedang berhadapan dengan ancaman yang tidak dikenali seperti di Mosul, Rakka dan Aleppo.

"Ancaman di Iraq dan Syria mungkin kembali dan ia memberi kesan kepada rantau ini, jadi ASEAN perlu bersatu dan melihat ia sebagai ancaman bersama," katanya ketika berucap sempena pelancaran DSA 2018 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, hari ini.

Hishammuddin berkata, dianggarkan lebih 1,200 pempamer daripada 60 negara akan menyertai DSA 2018 nanti.

Katanya buat julung kalinya, Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Jalan Duta, Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi pameran.

"Jika edisi sebelum ini DSA diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), bagi edisi ke-16 sempena usianya yang ke-30, ia akan diadakan di MITEC.

"Ruang pameran yang ditawarkan pada DSA kali ini juga seluas 42,000 meter persegi iaitu 30 peratus lebih besar berbanding penganjuran sebelum ini," katanya.